

21 OCT 1997

Parlimen-Bahas

ADA GOLONGAN KORPORAT BERTALAM DUA MUKA, MENIKAM KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan berkata di Dewan Rakyat hari ini bahawa terdapat segelintir golongan korporat yang bersikap "talam dua muka dan menikam kepimpinan tertinggi negara dari belakang."

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Haji Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata di dalam kegawatan ekonomi berikutan kemerosotan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham, ada golongan korporat yang dengan mudah mengubah semangat patriotisme mereka.

Sebahagian daripada kalangan mereka telahpun menyatakan sokongan jitu mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menangani masalah ekonomi dan kewangan yang melanda negara.

"Tetapi segelintir daripada kalangan ini juga sedang bertindak menikam kepimpinan tertinggi negara dari belakang," katanya semasa membahaskan Belanjawan 1998.

Ruhanie berkata warga korporat sepatutnya insaf bahawa segala keuntungan yang diperolehi selama ini adalah hasil perjuangan kerajaan dan pengorbanan rakyat.

Bagaimanapun beliau mengakui wujudnya warga korporat yang amat peka terhadap tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara.

Katanya keadaan sekarang menuntut semua pihak menggembungkan kekuatan semua sektor dan sama-sama berusaha menentang segala tindakan musuh ekonomi negara.

Ruhanie berkata kejayaan yang dinikmati Malaysia jelas dicemburui beberapa pihak luar yang turut menentang inisiatif Malaysia meregulasikan perdagangan mata wang.

Beliau mencadangkan supaya pihak yang menentang cadangan itu mengkaji semula satu kerta kerja mengenai Tindakan Pengawalan Terhadap Spekulasi Mata Wang Antarabangsa yang dipersetujui ketua-ketua negara G-7 di Perancis pada Jun tahun lepas.

Katanya matlamat utama kertas kerja itu ialah mengawal spekulasi mata wang di peringkat antarabangsa kerana aktiviti spekulasi yang bermaharajalela didapati keterlaluan dan membahayakan ekonomi sesebuah negara terutama negara kecil dan negara membangun.

Ruhanie turut menyentuh peranan media asing yang, katanya, dirancang untuk memporak-perandakan kepimpinan negara dengan menyiarkan berita anti-Mahathir di samping laporan yang berunsur fitnah kononnya Mahathir adalah tokoh yang bertanggungjawab melunturkan nilai dollar Singapura dan nilai ringgit Malaysia sendiri.

Katanya media di Bangkok dan Singapura juga didapati terikut-ikut dengan propaganda media barat apabila menyiarkan laporan anti-Mahathir dan meminta Kementerian Luar "membisikkan" kepada pemerintah di kedua-dua negara itu bagi mengelakkan kejadian sedemikian tidak berulang lagi.

Beliau berkata unsur luar yang sedang menggugat Malaysia tidak seharusnya dibiarkan sehingga menjejaskan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana terdapat satu inisiatif antarabangsa yang berusaha meyakinkan sesetengah pelabur teknologi maklumat (IT) supaya melaburkan wang mereka untuk kegiatan penyelidikan dan pembangunan IT di beberapa univerti di Britain.

Ruhanie yang menyokong rang undang-undang belanjawan itu menyifatkan belanjawan yang mengetengahkan strategi memantapkan ekonomi negara serta

memulihkan keyakinan pelabur itu tidak membebankan rakyat berpendapatan rendah dan terus memberikan peruntukan yang besar untuk aktiviti membasmi kemiskinan, pembangunan desa, pertanian dan pendidikan.

Beliau berkata satu usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan dan menyelaraskan penyertaan sektor swasta dalam industri pengeluaran makanan secara besar-besaran sama ada di dalam atau di luar negara.

Katanya peningkatan import makanan daripada RM4,600 juta pada 1989 kepada RM9,100 juta pada tahun lepas, menyebabkan pengaliran keluar sejumlah besar wang negara.

Usaha juga perlu dilakukan untuk menyelaraskan pemasaran dan pengedaran makanan di dalam dan luar negara serta meningkatkan usaha pembangunan dan penyelidikan makanan, katanya.

Robert Lau Hoi Chew (BN-Sibu) pula dengan nada terharu berkata kini adalah masanya bagi rakyat negara ini tampil untuk berganding bahu membantu kerajaan mengatasi krisis ekonomi kerana "pencerobohan" orang luar terhadap ringgit.

"Kita rakyat Malaysia mampu mengatasi masalah yang berhadapan dengan kita sekarang, krisis yang dihadapi negara sekarang adalah krisis buatan manusia dan saya yakin rakyat dapat mengatasinya dengan mengamalkan cara persyarikatan Malaysia," katanya.

Untuk memperkukuhkan lagi harapannya itu, Lau menyebut satu perpatah Inggeris "A friend in need is a friend indeed."

Beliau berkata walaupun nilai ringgit kini lemah, ia sebaliknya menjadi satu hikmah kepada industri pelancongan negara.

Malaysia pasti akan menjadi tarikan kepada pelancong terutamanya dari negara-negara yang kukuh nilai mata wangnya kerana mereka dapat berbelanja dengan lebih banyak bagi jumlah wang yang sama dengan dahulu.

Kelemahan nilai ringgit juga menyedarkan rakyat negara ini untuk mengalih selera daripada tumpuan kepada barangan import kepada barangan tempatan.

Lau menyokong tindakan kerajaan menggesa semua pihak mengurangkan pengimportan jentera berat dan beliau yakin tindakan kerajaan itu pasti dapat mengawal defisit akaun semasa negara.

Bagaimanapun, Lau mahu kerajaan mempertimbangkan semula "larangan" mengimport jentera berat bagi sektor pembalakan dan industri pembinaan serta bahan-bahan binaan memandangkan negara sangat memerlukannya.

Beliau khuatir jika kerajaan tidak mempertimbangkan semula pengimportannya ia mungkin menjejaskan program perumahan negara serta industri pembalakan di Sarawak khususnya.

Encik Hashim Ismail (BN-Ledang) pula mencadangkan supaya kerajaan membentuk sebuah panel penasihat ekonomi negara yang diketuai oleh penasihat ekonomi yang ada sekarang dan dianggotai oleh pakar-pakar ekonomi tempatan selain turut melantik pakar ekonomi dunia yang berwibawa dan dihormati.

Panel itu akan mengikuti secara teliti perkembangan dan halatuju pertumbuhan ekonomi dalam konteks ekonomi global, meramal sesuatu kemungkinan dan menasihati kerajaan akan langkah-langkah yang pragmatik dan realistik yang difikirkan wajar diambil oleh kerajaan, katanya.

Gabungan tenaga yang benar-benar bersepadu, berwibawa dan berkemahiran tinggi diperlukan untuk menasihati kerajaan dan memandu halatuju pembangunan ekonomi negara ke arah destinasi yang betul.

Beliau juga mencadangkan supaya Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dirombak dan disusun semula selaras dengan tuntutan semasa yang semakin mencabar.

Ia perlu dikendalikan oleh pakar-pakar ekonomi yang benar-benar berwibawa dan berkemahiran tinggi, yang bukan sahaja untuk tujuan penyelidikan malah mampu menganalisis pertumbuhan dan kecenderungan ekonomi

dunia dan serantau serta mampu menasihatkan kerajaan supaya sentiasa menuju destinasi yang betul, katanya.

Seorang lagi anggota yang turut membahaskan belanjawan itu meminta kerajaan mengkaji semula kenaikan bayaran pasport antarabangsa kepada RM300 dan RM600 daripada RM145 dan RM265 dan bagi pasport terhad kepada RM150 daripada RM60 kerana ia akan membebankan rakyat.

Encik Michael Lisa Kaya (BN-Bukit Mas) berkata kenaikan seumpama itu wajar dikenakan kepada golongan korporat dan bukan kepada rakyat biasa yang memerlukan dokumen perjalanan itu untuk urusan tertentu.

Beliau berkata di kawasannya pasport antarabangsa penting bagi membolehkan masyarakat di situ khususnya golongan petani berulang-alik ke Brunei sama ada untuk melawat anggota keluarga atau untuk bekerja.

Katanya oleh sebab golongan petani mempunyai anak yang banyak, maka kenaikan bayaran pasport antarabangsa sudah tentu akan membebankan mereka.

Persidangan disambung esok. -- BERNAMA

TEAM NMO